



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

SIARAN MEDIA

BICARA BAHASA KOLOKIAL: MELESTARIKAN KEBERDAYAAN BAHASA KOMUNITI “MOH LABUN LOGHAT PERAK”

IPOH, 26 Oktober 2023 – Arkib Negara Malaysia telah menganjurkan Bicara Bahasa Kolokial: Melestarikan Keberdayaan Bahasa Komuniti yang bertemakan **“Moh Labun Loghat Perak”**. Program telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk Azman bin Mohd Yusof, Ketua Setiausaha, Kementerian Perpaduan Negara mewakili YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara, di Hotel Impiana, Ipoh Perak, hari ini.

Bicara Bahasa Kolokial ini diadakan bertujuan untuk memberi pendedahan mengenai penggunaan bahasa kolokial dalam kalangan masyarakat tempatan di Perak di samping mendokumentasikan warisan budaya dan bahasa untuk dijadikan rujukan generasi kini dan akan datang.

Kepentingan bahasa sebagai khazanah warisan negara perlu sentiasa dipelihara dan didokumentasikan supaya tidak luput ditelan arus kemodenan dan kepesatan kemajuan teknologi. Ia selari dengan inisiatif Ini Warisan Kita yang digagaskan oleh Kementerian Perpaduan Negara dalam usaha melestarikan bahasa sebagai salah satu wadah yang paling utama dalam menyatupadukan masyarakat berbilang kaum dan etnik di negara ini.

Program yang dilaksanakan dalam dua sesi bicara ini menampilkan enam orang Tokoh Pembicara dan dua orang Pengerusi Sesi yang terdiri daripada kalangan ahli akademik serta penggiat bahasa dan budaya berkongsi pengalaman, kajian dan penyelidikan serta pandangan mengenai bahasa kolokial kepada masyarakat umum, iaitu:

Sesi 1 – Konsep dan Penggunaan Bahasa Kolokial

1. Dr. Norhafizah binti Mohamed Husin
Ketua Bahagian Penyelidikan Bahasa, Dewan Bahasa dan Pustaka
Topik: Konsep dan Penggunaan Bahasa Kolokial
2. Profesor Dr. Nor Hashimah binti Jalaluddin
Presiden, Persatuan Linguistik Malaysia
Topik: Pengekalan dan Peralihan Penggunaan Dialek Perak

3. Encik Mior Hashim bin Manap
Pengarah Filem/ Karyawan
Topik: Penggunaan Bahasa Kolokial dalam Penerbitan Drama
4. Dr. Mohd Nazri bin Zainuddin
Pensyarah (Akademik), Institut Pendidikan Guru Kampus Ipoh
Pengerusi Sesi

Sesi 2 – Bahasa Kolokial Masyarakat Setempat

1. Dr. Zabidin bin Haji Ismail
Presiden, Persatuan Karyawan Perak
Topik: Penggunaan Bahasa Kolokial Selatan dan Hilir Perak
2. Encik Ahmad Jihadi bin Abu Samah
Pensyarah (Akademik), Institut Pendidikan Guru Kampus Ipoh
Topik: Penggunaan Bahasa Kolokial Melayu Patani
3. Dr. Asri bin Che Mat
Pensyarah (Akademik), Institut Pendidikan Guru Kampus Ipoh
Topik: Penggunaan Bahasa Kolokial Melayu Banjar di Perak Utara
4. Encik Noor Azni bin Yahya
Pensyarah (Akademik), Institut Pendidikan Guru Kampus Ipoh
Pengerusi Sesi

Semua pihak termasuklah pertubuhan, individu, perkumpulan mahupun persatuan diseru agar berganding bahu untuk membantu dan berkerjasama bagi menjayakan program-program intelektual yang mengangkat kepelbagaian budaya agar kelestarian dan keberdayaan khazanah warisan negara terus kekal dan relevan demi memperkukuhkan perpaduan dalam kalangan rakyat.

Kementerian Perpaduan Negara

26 Oktober 2023

Kementerian Perpaduan Negara (KPN) ditubuhkan pada 10 Mac 2020. Fungsi utama Kementerian Perpaduan Negara adalah untuk memacu agenda perpaduan nasional bagi memastikan kesejahteraan dan keharmonian rakyat Malaysia. Terdapat tujuh (7) Jabatan/Agensi Kerajaan di bawah KPN iaitu 1. Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional (JPNIN), 2. Arkib Negara Malaysia (ANM), 3. Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), 4. Jabatan Muzium Malaysia (JMM), 5. Yayasan Sukarelawan Siswa, 6. Yayasan Tunku Abdul Rahman dan 7. Yayasan Tun Razak.

Dikeluarkan oleh:- Unit Komunikasi Korporat
b.p.: Ketua Setiausaha
Kementerian Perpaduan Negara
Tel: +603 8091 8041 | Fax: +603 8888 8568 569
E-mel: pro@perpaduan.gov.my